



**K**ajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan rakyat Malaysia membuang kira-kira 17,800 tan makanan setiap hari. Lebih merisaukan apabila kajian SWCorp turut menunjukkan sepanjang tempoh sebulan Ramadan setiap tahun, rakyat negara ini membuang 270,000 tan makanan yang tidak diusik dan boleh dimakan semula. Secara analoginya, jika disusun longgokan makanan tersebut, ia bersamaan dengan ketinggian 30 bangunan KLCC dan ketinggian KLCC ialah 452 meter. Secara puratanya dilaporkan sehari 9,000 tan makanan dibuang yang boleh dihidangkan kepada enam juta orang. Ini satu fakta yang cukup menarik untuk kita renungkan secara bersama.

Memandangkan pembaziran makanan semakin menjadi budaya dan trend yang kurang sihat dalam kalangan masyarakat kita, penulis sangat bersetuju dengan saranan aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye agar kerajaan perlu menganjurkan lebih banyak program kesedaran untuk membendung pembaziran makanan yang seolah-olah menjadi tabiat dan budaya dalam kalangan masyarakat terutama ketika Ramadan.

Sebagai orang Islam kita wajar kesal dan malu dengan pendedahan laporan seperti ini. Hal ini kerana sepatutnya bulan yang mulia ini mengajar kita erti sebuah pengorbanan dan merasai kesusahan orang yang tidak mampu makan dan minum. Tetapi apa yang berlaku sebaliknya dan kita semakin banyak membazir pada Ramadan berbanding bulan lain.

Antara punca menyumbang kepada pembaziran ini dilaporkan berpunca daripada bufet Ramadan di hotel dan restoran besar di mana makanan disajikan secara berlebihan dan sikap ramai yang suka membazir dengan mengambil makanan lebih daripada keperluan. Perlu diingat betapa perut kita terutama ketika berbuka


walaupun lapar, namun tetap terhad dari segi jumlah makanan yang boleh diterima dan diproses dalam masa yang begitu singkat. Ini belum lagi dihitungkan maklumat pembaziran yang dilakukan di rumah apabila kita membeli pelbagai jenis juadah mengikut nafsu di bazar Ramadan yang akhirnya juga dibuang begitu saja tanpa diusik kerana tidak mampu menghabiskannya.

Dalam hal ini penulis berpandangan apa yang lebih penting dalam mengatasi isu pembaziran makanan seperti ini ialah umat Islam perlu sedar, insaf dan bermuhasabah diri dengan segera supaya dapat menangani nafsu di sepanjang Ramadan dan bukannya pada ketika tempoh masa berpuasa saja. Perlu diingat antara rahmat dan ganjaran bulan yang mulia ini ialah mengajar dan mendidik kita mengawal nafsu dan dalam konteks ini sudah semestinya kita mengharapkan umat Islam dapat mengawal nafsu makan ketika berbuka puasa. Untuk itu kita perlu hayati falsafah di sebalik kewajipan untuk berpuasa. Antara tujuan kita diwajibkan berpuasa adalah untuk bersama-sama merasai susah senang rakyat yang tidak dapat menikmati makanan, yang dalam kesusahan, kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang, malah masih ada sebahagian daripada penduduk dunia yang mati kebuluran. Maka kita yang terlalu mewah dengan pelbagai hidangan makanan ini sewajarnya bermuhasabah diri dan menginsafi kejadian seumpama itu supaya kita dapat betul-betul menikmati ganjaran berpuasa dan bukannya hanya setakat tahan lapar dan dahaga semata-mata kemudian melakukan pembaziran secara besar-besaran ketika berbuka.

Dalam konteks ini sikap memainkan peranan yang penting. Umat Islam perlu sedar betapa Islam mengesyorkan gaya hidup yang sederhana dalam semua aspek kehidupan termasuk dalam menjamu selera. Maka sikap mementingkan diri dan suka membazir ini perlu diubah. Gaya hidup mewah seperti ini perlu dihentikan. Apakah kita lupa betapa kita disyorkan berbuka secara sederhana dan bukannya dengan penuh gelojoh dan bernaflu seperti ini yang akhirnya membawa kepada



## Janganlah gelojoh ketika berbuka puasa



**FAKTA**  
Kajian SWCorp menunjukkan setiap kali Ramadan rakyat negara ini membuang 270,000 tan makanan tiap hari

pembaziran secara besar-besaran. Jangan sampai pahala berpuasa itu akhirnya menjadi sia-sia akibat tindakan kita sendiri yang gagal untuk menghayatinya secara sempurna.

Di samping kita berharap pihak hotel juga boleh memikirkan kaedah yang bersesuaian untuk menangani isu ini seperti mengenakan denda kepada pelanggan yang mengambil makanan secara berlebihan dan gagal untuk menghabiskannya, kita tetap masih mengharapkan kesedaran akan berputik dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Hal ini kerana perkara seperti ini tidak boleh dipaksa dengan tindakan undang-undang semata kerana dikhuatiri boleh menjejaskan perniagaan dan keuntungan pihak hotel dan juga restoran besar pula. Sewajarnya kita gunakan Ramadan ini untuk bermuhasabah diri dan belajar mengawal segala jenis

nafsu termasuk nafsu makan dan membazir. Secara umumnya kita perlu bekerja keras menangani nafsu pada Ramadan kerana kejadian ini membuktikan nafsu makan dan nafsu membazir kita semakin menjadi-jadi di bulan mulia ini berbanding bulan lain. Ia juga menjelaskan betapa kita hanya mampu menahan nafsu makan kita sepanjang waktu berpuasa saja dan kita kembali ke sikap asal ketika dan selepas berbuka puasa. Apakah ini pengajaran yang diterima ketika Ramadan? Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kita kluatir jika berterusan bukan saja menjejaskan pahala puasa kita, malah lebih malang lagi akan menambah dosa secara percuma tanpa kita sedari. Semoga kita sama-sama dapat mengambil iktibar daripada pendedahan ini dan sekali gus mendidik diri untuk mengawal dan menangani nafsu dengan lebih tegas dan serius pada Ramadan yang mulia ini terutama di luar tempoh masa berpuasa.

Penulis ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia